

TARIKH	KHAMIS, 2 FEBRUARI 2023
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	KAPSUL RADIOAKTIF HILANG BERJAYA DITEMUI
M/S	34
BIDANG	NON-IONISING RADIATION
KATA KUNCI	

# Kapsul radioaktif hilang berjaya ditemui

**SYDNEY** – Sebuah kapsul radioaktif kecil, namun berbahaya yang terjatuh dari sebuah trak di satu lebuhraya di Australia Barat telah ditemui, kata pihak berkuasa semalam.

“Hasil yang baik. Penduduk Australia Barat boleh tidur nyenyak malam ini,” kata Menteri Perkhidmatan Kecemasan negeri tersebut, Stephen Dawson.

Pasukan peralatan pengesanan mudah alih sebelum itu dikerah oleh Agensi Perlindungan Radiasi dan Keselamatan Nuklear Australia untuk mencari kapsul tersebut.

Pihak berkuasa telah mencari kapsul itu selama seminggu yang dipercayai terjatuh dari sebuah

trak yang dalam perjalanan sejauh 1,400 kilometer di Australia Barat.

Kehilangan tersebut telah mencetuskan amaran radiasi untuk sebahagian besar negeri itu.

Kapsul tersebut merupakan sebahagian daripada tolok yang digunakan untuk mengukur ketumpatan suapan bijih besi dan telah diamanahkan oleh syarikat Rio Tinto Ltd. kepada kontraktor untuk mengangkutnya.

Pertubuhan Sains dan Teknologi Nuklear Australia turut menghantar pakar perkhidmatan radiasi serta peralatan pengesanan termasuk pengimejan bagi membantu mengesan kapsul itu.

Trak yang membawa kapsul itu sebelum ini dalam perjalanan dari lombong Gudai-Darri di utara Newman, sebuah bandar kecil di wilayah Kimberley, menuju ke kemudahan penyimpanan di pinggir bandar Perth sebelum ia terjatuh dan hilang.

Kapsul perak berukuran diameter 6 milimeter (mm) dan panjang 8 mm itu dilaporkan mengandungi Caesium-137 yang memancarkan radiasi bersamaan dengan 10 sinaran-X setiap jam.

Orang ramai diarah menjaukan diri pada jarak sekurang-kurangnya 5 meter kerana pendedahan boleh menyebabkan lecuran atau penyakit radiasi. – AFP/AGENSI



PAKAR perkhidmatan radiasi serta peralatan pengesanan dikerah bagi mencari kapsul tersebut. – NBC

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM